

Minggu Saham Digital 2021 perkasakan literasi kewangan



Ahmad Zulqarnain Onn,
Presiden dan Ketua Eksekutif
Kumpulan PNB



Datuk Abdul Farid Alias,
Presiden dan Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan Maybank



Mohd Helmi Osman Basha,
Pegarah Urusan Kumpulan
Sime Darby Plantation



Datuk Ahmad Fuaad Mohd Kenali,
Presiden dan Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan UMW Holdings



Program anjuran PNB bantu rakyat buat keputusan kewangan lebih baik demi masa depan

Permodalan Nasional Berhad (PNB) terus komited memartabatkan literasi kewangan negara serta memperkasakan rakyat bagi membuat keputusan kewangan lebih baik demi kesejahteraan jangka panjang.

Usaha itu diketengahkan melalui penganjuran Minggu Saham Digital (MSD) 2021 mulai 17 hingga 23 November ini, iaitu selaras dengan rancangan lima tahun Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata MSD 2021 adalah adaptasi digital Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) iaitu program Pendidikan Pelaburan Bersepadu utama PNB, yang sebelum ini diadakan setiap tahun sejak dua dekad lalu.

Katanya, cara digital itu adalah sebahagian usaha berterusan PNB untuk mengukuhkan literasi kewangan dan inisiatif pendidikan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ahmad Zulqarnain berkata, MSD 2021 bertemakan #laburbersama, membawakan pelbagai aktiviti menarik bertujuan mendidik dan meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai perancangan kewangan dalam format hiburan didid, sambil berkongsi portfolio syarikat PNB dan operasi perniagaannya.

"MSD 2021 akan berlangsung secara maya selama tujuh hari dengan menampilkan kandungan

interaktif, menghibur, menarik dan berbentuk pendidikan bagi memperkasakan rakyat Malaysia dari semua peringkat umur untuk #laburbersama dan mencapai 'financial independence'.

"Versi digital MSAM ini mula diperkenalkan tahun lalu dan kali ini, lebih banyak program berbentuk hiburan didid interaktif akan disajikan setiap hari, di antara 12.30 tengah hari hingga 10.30 malam melalui halaman Facebook rasmi dan saluran YouTube," katanya.

Katanya, program MSD 2021 yang dirangka bersama Rakan Premier seperti Kumpulan UMW, Kumpulan Maybank dan Sime Darby Plantation Bhd, menggalakkan pembabitian dan interaksi rakyat.

Acara yang berlangsung di platform digital memudahkan penyertaan orang ramai menerusi telefon atau gajet pintar masing-masing, dari rumah atau dari mana-mana sahaja.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias, berkata Maybank menyediakan pelbagai program menarik, antaranya

webinar mengenai asas pelaburan, dalam unit amanah, pelan insurans dan takaful untuk diri sendiri dan orang tersayang.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Plantation, Mohd Helmi Osman Basha berkata: "Saya dan rakan di Sime Darby Plantation teruja untuk kembali bersama PNB dalam acara tahunan ini. Kami akan berkongsi pelbagai transformasi yang kami sudah laksanakan. Pengalaman kami dalam industri minyak sawit serta peluang yang ada untuk rakyat Malaysia."

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW Holdings, Datuk Ahmad Fuaad Mohd Kenali, berkata UMW amat berbesar hati dan berbangga dengan pembabitannya dalam MSD sejak 2000.

"Semoga usaha murni PNB akan terus berjaya dalam memupuk rakyat Malaysia supaya lebih celik kewangan dan cekap dalam melabur untuk masa depan lebih cerah," katanya.

Lebih 70 program hiburan didid berasaskan kewangan, pelaburan, keusahawanan dan ekono-

mi seperti Bijak Finance, Raiz Bersama dan Sembang-Sembang diadakan.

Selain itu, Siri Masterclass MBA, anjuran bersama Asia School of Business-ICLIF, yang akan menampilkan tiga tenaga pengajar pakarnya iaitu Penolong Profesor Pemasaran dan Felo Fakulti Antarabangsa, Prof Willem Smit; Penasihat Kanan Pembangunan Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat, Dr Elsa Satkunasingam dan Ketua, Bimbingan dan Kaunseling, Michele Sagan.

MSD 2021 menawarkan hadiah untuk peraduan utama, Jom. Kira Duit, iaitu sebuah kereta Hyundai Kona tajaan Sime Darby Berhad, sebuah kereta Toyota Yaris tajaan UMW Holdings Berhad; sebuah kereta Perodua Ativa tajaan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) dan motosikal Honda Dash 125 tajaan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), serta banyak lagi hadiah bernilai lebih RM500,000.

Peserta juga berpeluang memenangi 2,400 e-baucar melalui cabutan bertuah dan Live Trivia.

PNB ASNB

MINGGU SAHAM DIGITAL

Beberapa program menarik sepanjang minggu

Layari www.mingguhammadigital.com.my untuk jadual penuh program